

Mahasiswa FSSA tingkat kecemerlangan

um 29. 3. 2015 18

KOTA KINABALU 28 Mac - Seramai 185 mahasiswa Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menyertai program kecemerlangan pelajar anjuran fakulti berkenaan di Auditorium Perpustakaan UMS, di sini baru-baru ini.

Program selama sehari itu telah dikendalikan penceramah jemputan khas, Dr. Ananglangka Mad Kassim.

Dalam ceramahnya, beliau te-

lah menyampaikan beberapa topik berkaitan alam pekerjaan selain topik peningkatan prestasi akademik mahasiswa.

Menurut Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) FSSA, Prof. Madya Dr. Abdullah Bade, program itu bertujuan meningkatkan motivasi diri mahasiswa supaya lebih berdaya saing dalam mengharungi cabaran apabila menempuh alam pekerjaan.

“Para mahasiswa ini merupa-

kan kumpulan terpilih daripada 14 buah kursus yang ada di FSSA menyertai program berkenaan.

“Mereka juga didedahkan mengenai pelbagai pengetahuan dan pengalaman dalam usaha pihak universiti memperkasa mahasiswa agar terus mempunyai nilai kebolehpasaran tinggi apabila tamat pengajian kelak,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian program kecemerlangan itu di sini.